

Latihan Pengukuhan.

Kata Ganti Nama

Lengkapkan ayat – ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. “_____ gemar bersendirian sejak kemalangan jalan raya yang dialaminya sebulan yang lalu,” kata ibu kepada nenek.
2. Tiga orang penagih dadah itu telah ditangkap oleh pihak polis. _____ akan dihantar ke pusat serenti untuk tindakan selanjutnya.
3. Kematian Tan Sri Daniel diratapi oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana _____ sangat pemurah.
4. “Adakah _____ mahu mengikut saya ke kedai buku?” kata Azrul kepada keempat – empat orang rakannya.
5. Kejayaan Azizul Hasni Awang dalam Kejohanan Berbasikal Dunia baru – baru ini menjadi kenangan sepanjang hayat _____.

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan, Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. “Sekiranya, perut kita terlalu sakit, minumlah ubat ini,” pesan Doktor Luke kepada Dickson.

2. Sultan Idris Shah disenangi oleh rakyat kerana beliau sangat mengambil berat akan masalah rakyatnya.

3. “Janganlah mereka terlalu berbanggaakan pencapaian pada kali ini kerana peperiksaan sebenar akan meliputi kesemua topik,” kata Cikgu Farhana kepada murid – muridnya.

Kata Kerja.

Lengkapkan ayat – ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Silvon mengajar adiknya cara – cara bermain gasing, iaitu melilit tali pada gasing sebelum _____ gasing itu ke tanah.
2. “Saya ingin memohon maaf sekiranya kata – kata saya _____ perasaan,” kata penceramah itu.
3. Ahli Persatuan Bahasa Melayu _____ langkah – langkah memartabatkan bahasa Melayu dalam mesyuarat pada petang ini.
4. Sharvinees menjadi johan dalam acara _____ lembing semasa Kejohanan Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Malaysia di Melaka.

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Abang menghadihi seutas rantai emas kepada tunangnya bersempena dengan majlis pertunangannya.

2. Lee Zhi Xuan mengcaj bateri telefon bimbit sebelum meninggalkan rumah.

3. Kerajaan akan terus memperkasa bidang pendidikan untuk kepentingan semua lapisan masyarakat.

Kata Nama Am dan Kata Nama Khas.

Lengkapkan tempat kosong bagi setiap ayat berikut dengan kata nama am dan kata nama khas dengan tepat.

kedai	sukarelawan	jururawat	teksi
Kota Kinabalu	cita rasa	pemuda	tali kasut
Menara Berkembar Petronas		Kementerian Kesihatan Malaysia	

1. Restoran itu sering menjadi pilihan kami sekeluarga kerana kelazatan makanannya sangat memenuhi _____ kami.
2. Mak Cik Christine berjalan kaki sahaja untuk ke _____ runcit itu.
3. Pihak _____ sering memantau tahap penuluran wabak Covid – 19 agar sentiasa berada dalam keadaan terkawal.
4. Kakak cuba membantu adik mengikat _____ sekolahnya.
5. Pelancong dari negara Korea itu meminta pemandu _____ tersebut menghantarnya ke lapangan terbang.
6. Keindahan panorama dari bangunan _____ itu mendorong Johnson untuk mengunjunginya sekali lagi.
7. Desmond meronta – ronta ketakutan apabila melihat _____ itu memegang jarum suntikan dan picagari.
8. John Chan terpaksa ke _____ pada petang ini juga untuk menghadiri mesyuarat yang penting itu.
9. Peristiwa pergaduhan sekumpulan _____ di kampung itu masih menjadi buah mulut penduduk di sekitar kampung itu sehingga kini.
10. Para _____ sedang sibuk mengagih – agihkan bekalan makanan dan minuman kepada mangsa gempa bumi itu.